# MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

**2 JAM 30 MINIT**

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

ARAHAN :

1. **Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.**
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **lima** soalan.
3. Jawab **semua** soalan.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.

NAMA : ........................................................................................................

TINGKATAN : ................................................................................................

Kertas peperiksaan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

*Jawab* **semua** *soalan.*

1 (*a*) Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ وَتُدْلُوا۟ بِهَآ إِلَى ٱلْحُكَّامِ
لِتَأْكُلُوا۟ فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ بِٱلْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

(Surah al-Baqarah: 188)

Ayat di atas menerangkan larangan Allah SWT tentang perbuatan rasuah.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Apakah maksud rasuah? [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** bentuk kesalahan rasuah. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan rasuah. [2 *markah*]

(*b*) Firman Allah SWT:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْءَاخِرِ وَجَٰهَدَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ لَا يَسْتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٩﴾ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَهَاجَرُوا۟ وَجَٰهَدُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمْوَٰلِهِمْ
وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِ ۚ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ﴿٢٠﴾

(Surah at-Taubah: 19 - 20)

Ayat di atas menerangkan tentang mengutamakan perkara yang sepatutnya dalam kehidupan.

Berdasarkan ayat di atas,

(i) Siapakah nama sahabat yang terlibat dalam sebab nuzul ayat di atas? [1 *markah*]

(ii) Nyatakan **tiga** bidang pelaksanaan fiqh al-Aulawiyat dalam kehidupan. [3 *markah*]

(c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu A dan B.
Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.

Anda dikehendaki menulis nombor soalan dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

| Nombor | Potongan ayat al-Quran | Hukum Tajwid | |
|---|---|---|---|
| | | A | B |
| (i) | جَنَّٰتٌ تَجۡرِي | Ra Tarqiq | Ra Tafkhim |
| (ii) | صٓ | Mad Lazim Harfi Muthaqqal | Mad Lazim Harfi Mukhaffaf |

[2 *markah*]

(d) Sabda Rasullullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضى الله عَنْهُ عَنِ النَّبِي صَلَى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
يَا رَسُوْلَ اللهِ ! وَمَا هُنَّ ؟ قَالَ : الشِّرْكُ بِاللهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي
حَرَّمَ اللهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ،
وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ.

(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan sihir termasuk dalam dosa-dosa besar.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** dosa-dosa besar selain sihir. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** amalan menghindari daripada perbuatan sihir. [2 *markah*]

(*e*) Sabda Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:
سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ الإِمَامُ الْعَادِلُ وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ : إِنِّي أَخَافُ اللهَ ، <u>وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى</u> حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِيْنُهُ ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan maksud potongan ayat yang bergaris. [2 *markah*]

(ii) Terangkan pengajaran daripada hadis di atas. [2 *markah*]

2 (*a*) Antara nama-nama Allah SWT (Asmaul Husna) yang wajib diimani oleh setiap muslim yang mukalaf ialah al-Jabbar dan al-Raqib.

(i) Nyatakan maksud nama Allah al-Jabbar. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman beriman dengan nama Allah SWT al-Jabbar. [2 *markah*]

(iii)

| |
|---|
| Beriman dengan nama Allah al-Jabbar membentuk keperibadian mulia. |

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

[4 *markah*]

(*b*) (i) Apakah maksud nama Allah SWT al-Raqib? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. [2 *markah*]

(*c*) Iman seseorang boleh terbatal melalui cara tertentu.

(i) Nyatakan **dua** cara yang menyebabkan iman terbatal. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman. [2 *markah*]

(*d*) Akidah Ahli Sunnah Waljamaah merupakan pegangan bagi majoriti umat Islam di Malaysia.

(i) Nyatakan takrif Ahli Sunnah Waljamaah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan perbezaan pendapat antara Ahli Sunnah Waljamaah dengan aliran Muktazilah tentang isu melihat Allah SWT. [2 *markah*]

3 (*a*) (i) Senaraikan **dua** rukun haji. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan perbezaan haji dengan umrah. [2 *markah*]

(*b*) (i) Nyatakan **dua** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** syarat perkara yang diakadkan dalam muamalat Islam. [2 *markah*]

SUSULAN SINDIKET MLM SASAR KAMPUS REKRUT AHLI

**USIM perangi skim cepat kaya**

● Sedia program percuma dedah pelajar taktik penipuan

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Faizatul Farhana Farush Khan
bhnews@bh.com.my
▸ Kuala Lumpur

Skim cepat kaya berselindung di sebalik seminar keusahawanan yang menggunakan strategi pemasaran pelbagai peringkat (MLM) bagi memperdayakan pelajar universiti, disifatkan berbahaya dan tidak boleh dibiarkan berleluasa.

Pembabitan pelajar dalam kegiatan seumpama itu, bukan setakat menjejaskan pengajian masing-masing, malah menyebabkan kerugian kepada modal insan apabila mereka tidak memperoleh ilmu keusahawanan yang sebenar.

Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Ummi Salwa Ahmad Bustaman, berkata walaupun peratusan terbabit tidak seramai jumlah sebenar pelajar, namun aktiviti itu perlu dipandang serius dan dihapuskan segera.

Beliau yang aktif menganjurkan pelbagai kempen menentang MLM, berkata sindiket penipuan itu biasanya menyasarkan pelajar tahun pertama dan ketika bayaran biasiswa atau pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dikreditkan ke dalam akaun pelajar.

"Saya bersetuju mengatakan aktiviti ini sangat berbahaya jika tidak dibendung sepenuhnya kerana pelajar yang terbabit bukan sahaja meleburkan wang PTPTN masing-masing, malah turut membuat pinjaman lain.

"Pelajar yang terjerat, akan berhutang di sana sini dan tidak masuk kuliah, akibatnya mereka hilang fokus dan tidak meneruskan pengajian dengan baik," katanya.

Beliau mengulas pendedahan BH mengenai sindiket skim cepat kaya yang berselindung di sebalik MLM, yang menyasarkan ramai pelajar universiti.

**Anjur kempen, program**

Ummi Salwa berkata, USIM mempunyai maklumat mengenai sindiket penipuan di sebalik MLM yang menjerat pelajar mereka dan ekoran itu, PPKS mengambil langkah proaktif menganjurkan program dan kempen kesedaran aktiviti terbabit.

"Ada pelajar USIM yang terjebak sehingga sanggup melabur lebih RM6,000.

"Saya sendiri mendekati mereka dan daripada maklum balas, mereka mahu mencari ilmu keusahawanan anjuran pihak luar.

"USIM memberi ilmu dan menganjurkan program sebegitu secara percuma, namun tidak dimanfaatkan mereka.

"Berikutan itu, bermula tahun ini, PPKS membuat kempen besar-besaran memerangi MLM dalam kampus," katanya.

Umi Salwa berkata, menerusi program dan kempen, ramai pelajar mula peka dengan penipuan MLM, namun mereka tetap berwaspada kerana anasir tidak bertanggungjawab ini sentiasa mengambil peluang yang ada.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris, mengakui ada pelajar universiti terbabit dalam sindiket skim cepat kaya yang berselindung di sebalik pemasaran pelbagai peringkat (MLM) di dalam kampus.

Tanpa menyebut peratusan pelajar yang terjerat, Idris percaya, jumlah mereka tidak ramai.

(Sumber: *Berita Harian*, 23 *September* 2016)

(iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, kemukakan pendapat anda mengapa masih ramai yang terjebak dengan skim tersebut. [4 *markah*]

(*c*) (i) Senaraikan **dua** golongan wanita yang haram dikahwini sementara. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri pemilihan calon suami atau isteri. [2 *markah*]

(*d*) (i) Nyatakan maksud wasiat. [2 *markah*]

(ii) Terangkan hikmah wasiat. [2 *markah*]

4 (*a*) Umar Abdul Aziz merupakan khalifah kelapan kerajaan Umaiyah.

(i) Nyatakan **dua** sumbangan khalifah Umar Abdul Aziz. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dalam bidang politik. [2 *markah*]

(iii) Terangkan iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah. [2 *markah*]

(*b*) Sultan Muhammad al-Fateh bin Murad II merupakan pemerintah dalam kerajaan Uthmaniyah.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Sultan Muhammad al-Fateh. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah. [2 *markah*]

(*c*) Imam al-Syafii adalah seorang daripada empat tokoh imam mujtahid yang mengasaskan empat mazhab fiqah terbesar dalam Islam.

(i) Senaraikan **dua** sifat peribadi beliau. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam. [2 *markah*]

(*d*) Hassan al-Banna adalah tokoh dakwah dan pembaharuan pemikiran Islam.

(i) Nyatakan **dua** riwayat hidup beliau. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** sifat peribadi yang boleh diambil daripada keunggulan beliau. [2 *markah*]

5 (*a*) Khauf dan raja' melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan.

(i) Nyatakan **dua** cara untuk mendapatkan khauf. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** hikmah khauf dan raja'. [2 *markah*]

(*b*) Kesederhanaan adalah salah satu daripada prinsip wasatiah.

(i) Nyatakan maksud kesederhanaan. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** aspek kesederhanaan. [2 *markah*]

(*c*) Tawaduk menzahirkan kesucian jiwa.

(i) Jelaskan **dua** contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [2 *markah*]

(ii) Terangkan hikmah sifat tawaduk dalam kehidupan. [2 *markah*]

(*d*) "Istiqamah jalan menuju mujahadah"

(i) Nyatakan maksud istiqamah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** cara istiqamah dalam kehidupan. [2 *markah*]

| "Istiqamah kunci kejayaan kehidupan" |
|---|

(iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 *markah*]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**